

ETIKA PERNIAGAAN DAN PERMASALAHAN DI MALAYSIA**Faridah Jaafar**Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

faridahj@psa.edu.my

Abstrak

Permasalahan pelanggaran etika perniagaan berlaku di kalangan peniaga atau usahawan pada saban hari dan tahun. Tujuan kertas kajian ini adalah untuk memberi gambaran akan persekitaran etika perniagaan yang berlaku di Malaysia. Selain itu kertas kajian ini juga membentangkan akan permasalahan sikap oleh usahawan dan pekerja-pekerja syarikat yang menyeleweng serta tidak bertanggungjawab demi kepentingan sendiri dan memberi impak negatif kepada kebajikan pengguna. Rentetan daripada permasalahan ini, pengkaji berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang tahap pengetahuan, amalan dan sikap peniaga kecil terhadap etika perniagaan. Skop kajian ditumpukan kepada peniaga industri kecil dan sederhana (IKS) berdasarkan justifikasi di mana golongan inilah yang kerap berhadapan dengan pelbagai masalah sehingga perniagaan yang mereka jalankan sukar untuk berkembang. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat membantu dalam memberikan maklumat kepada agensi kerajaan terbabit mengenai tahap pengetahuan peniaga IKS terhadap etika perniagaan, terutamanya di sekitar Shah Alam. Kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada pengguna dalam memberi informasi tentang sikap dan amalan etika perniagaan oleh peniaga di Shah Alam.

Kata kunci: Etika perniagaan, Kod etika perniagaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

1.0 Pengenalan

Perniagaan merupakan satu sumber pendapatan yang menjanjikan keuntungan sekiranya dilakukan dengan kesungguhan dan berdasarkan ilmu bagi menguruskan modal, teknologi dan sumber perniagaan. Selain itu, imej dan reputasi syarikat amat penting untuk dipelihara bagi menjaga nama baik atau jenama syarikat bagi menjamin keuntungan yang konsisten. Salah satu cara bagi memelihara dan meningkatkan imej dan reputasi syarikat adalah dengan mengamalkan etika perniagaan (Mohd Mizan Aslam, 2012).

2.0 Kajian Literatur

Definisi etika menurut Khalidah, Zulkufly dan Lau (2014) adalah satu set prinsip yang mengandungi kod akhlak yang menentukan sesuatu perkara itu betul atau salah. Menurut Rafik Issa Beekun (1998) ciri-ciri peniaga yang beretika adalah mereka yang jujur dan benar, tidak mengamalkan rasuah, berurusan secara adil, menggunakan cara bermusyawarah, tidak melibatkan diri dengan kejahatan dan menepati janji.

Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK, 2015) etika perniagaan adalah prinsip-prinsip etika yang diterima oleh komuniti peniaga dan dunia perniagaan. Ia merupakan satu set nilai dan peraturan yang merangkumi peraturan yang baik atau buruk di dalam operasi perniagaan seharian.

Berdasarkan kajian literatur yang lalu, tahap pengetahuan terhadap etika perniagaan mempengaruhi tahap etika peniaga dalam perniagaan (Ahmad, Mohd Yusop & Jailani, 2002). Kepentingan etika juga telah lama ditekankan terutama sekali oleh bekas Perdana Menteri Malaysia. Tun Dr Mahathir Mohamad yang pernah meminta pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) supaya menumpukan kepada pembentukan peribadi dan etika ahli perniagaan Bumiputera kerana perkara itu lebih penting daripada modal (Perpustakaan Perdana, 1991). Kesedaran tentang kepentingan etika dalam perniagaan amat perlu sekiranya syarikat mahu berkembang ke peringkat global (Khalidah, Zulkufly dan Lau, 2014).

Dalam perniagaan tidak dinafikan konsep "do well by doing good" yang bermaksud dengan melakukan urusan perniagaan secara etika akan memberi kejayaan dan impak positif kepada perniagaan (John, 2003). Konsep ini disokong oleh Blight, DG, Craswell, ET dan Mullen, JD (2013) yang masalah kemiskinan secara global dapat diatasi sekiranya peniaga atau pihak berkaitan meningkatkan produktiviti pertanian tanpa memikirkan keuntungan semata-mata.

Menurut Khalidah, Zulkufly dan Lau (2014) secara amnya terdapat lima dilema etika yang dihadapi oleh mereka yang terlibat dalam perniagaan iaitu "balancing the economic character or organizations with justice and fairness", "conflict of interest", "personality traits", "responsibility to stakeholders" dan "level of openness". Pelanggaran terhadap lima perkara ini syarikat dilihat sebagai tidak beretika dan berintegriti.

Konsep etika dan integriti bukanlah sesuatu yang baru. Bahkan agama Islam amat menekankan tentang akhlak dalam perniagaan. Nabi Muhammad S.A.W sendiri adalah seorang saudagar yang menitik beratkan tentang etika perniagaan sehingga digelar Al-Amin bererti "Yang jujur/benar" (Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2015).

Selain dari agama Islam, etika dalam perniagaan adalah selari dengan kehendak semua agama. Mohd Mizan Aslam (2012) menyatakan, semua ajaran agama di dunia ini menyarankan penganutnya beretika dalam melakukan urusan perniagaan. Akan tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Oleh sebab itu pelbagai undang-undang telah diwujudkan untuk memantau dan memastikan peniaga menjalankan perniagaan secara beretika. Antaranya adalah Akta Kontrak, Akta Jual Beli, Akta Perkongsian, Akta Jualan Barangan dan pelbagai lagi. Walaubagaimanapun, undang-undang adakalanya hanya instrument formaliti dan bukannya 100% memacu manusia dalam melaksanakan perbuatan yang beretika.

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang pesat membangun. Dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan yang diumumkan Tun Abdullah Ahmad Badawi menggambarkan hasrat negara menuju Wawasan 2020 melalui lima teras Misi Nasional yang mesti dilaksanakan demi mencapai matlamat cita-cita negara. Faktor paling utama bagi menjadi sebuah negara maju ialah keupayaan dan keperibadian masyarakat. Malaysia tidak boleh lagi dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki 'infrastruktur kelas pertama' tetapi 'mentaliti kelas ketiga'. Penerapan pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan modal insan, menekankan bukan saja ilmu pengetahuan dan kemahiran tetapi juga nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi (Unit Perancangan Ekonomi, 2006).

Kesedaran tentang pentingnya mendidik dan memastikan para peniaga yang terdiri daripada golongan syarikat korporat hingga perniagaan persendirian untuk berniaga dengan jujur dan beramanah, maka sebuah garis panduan yang dinamakan Etika Amalan Perniagaan Malaysia (EAPM) telah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia pada 8 November 1983 (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2012).

Bagi mengikuti arus perubahan dari segi teknologi dan keadaan semasa, garis panduan EAPM telah disemak semula dan ditambahbaik yang mana pada 12 November 2007, yang dinamakan Kod Etika Perniagaan Malaysia (Kod EPM) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK, 2015). Antara faedah yang boleh diperolehi oleh peniaga melalui kewujudan Kod EPM ini ialah ianya menimbulkan satu kesedaran di kalangan para peniaga supaya mempunyai tanggungjawab moral dan sosial kepada masyarakat.

Seterusnya pada Mac 2015, kod etika perniagaan sedia ada ditambahbaik dengan tujuan menggalakkan peniaga mengendalikan perniagaan secara amanah dan mengelak salah guna kuasa iaitu Etika Perniagaan Malaysia (Muzdalifah Mustapha, 2015). Terdapat 10 prinsip yang dilandaskan dalam Etika Perniagaan Malaysia bagi dipatuhi oleh semua jenis perniagaan iaitu: Prinsip 1: Persaingan (bersaing secara sihat dan adil); Prinsip 2: Larangan memberi dan menerima sogokan rasuah; Prinsip 3: Pengurusan aset (penyelenggaraan, penjagaan dan keselamatan); Prinsip 4: Pengurusan sumber (kewangan, perekodan, keselamatan); Prinsip 5: Pengiklanan dan promosi; Prinsip 6: Perlindungan harta intelek; Prinsip 7: Pengistiharan kepentingan (kepentingan dalam membuat keputusan); Prinsip 8: Alam sekitar; Prinsip 9: Keselamatan dan kesihatan peniaga dan pekerja; Prinsip 10: Melaporkan salah laku dan ketidakpatuhan Kod Etika Perniagaan (KPDNKK, 2015).

Diharapkan garis panduan yang diperbaharui ini dapat membantu golongan peniaga dari segenap lapisan di Malaysia dalam menangani gelombang transformasi perniagaan semasa, desakan pasaran global dan ketidakpastian perubahan ekonomi dunia (KPDNKK, 2015). Mulai tahun 2015, telah diputuskan Kod Etika Perniagaan akan disemak semula sekurang-kurangnya setiap tiga tahun oleh pentadbir Kod Etika Perniagaan bagi memastikan ianya relevan dalam menangani isu-isu etika semasa (KPDNKK, 2015).

Kesimpulannya, peranan peniaga dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara amat penting. Peranan tersebut tidak lengkap sekiranya kebergantungan operasi perniagaan hanya bersandar kepada perolehan keuntungan semata-mata tanpa tanggungjawab sosial memajukan masyarakat dan menjaga kebajikan mereka. Salah satu cara yang boleh dilaksanakan untuk menerapkan pengetahuan dan mengubah amalan dan sikap peniaga ialah dengan memupuk budaya beretika di kalangan peniaga dan berubah menjadi lebih bertanggungjawab (Mohd Mahzan Awang, 2015). Dicadangkan supaya mewajibkan semua peniaga untuk menghadiri kursus dan seminar berkaitan dengan etika perniagaan. Selain

daripada penguatkuasaan undang-undang yang lebih efisien diperlukan. Perkara ini sewajarnya dipertimbangkan oleh pihak kerajaan kerana hanya dengan mendidik elemen etika kepada mereka disamping bertegas dalam menguatkuasakan undang-undang, tingkah laku para peniaga yang tidak beretika boleh diubah menjadi lebih beretika. Di samping itu, kod etika peniaga perlu dikemaskini dari semasa ke semasa. Dengan usaha-usaha ini tidak mustahil, dalam tempoh jangka masa panjang, peniaga-peniaga di Malaysia akan lebih memikirkan hak pengguna berbanding mengaut keuntungan semata-mata.

3.0 Permasalahan Kajian

Kod etika perniagaan telah diperbaharui sebanyak tiga kali sejak tahun 1983 hingga 2015. Walaupun terdapat kod etika perniagaan Malaysia, namun perlaksanaannya tidak di ikuti sepenuhnya oleh peniaga dan usahawan di Malaysia. Berdasarkan laporan statistik utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), dari tempoh Januari sehingga Disember 2014 terdapat sebanyak 10,742 kes pelanggaran pelbagai jenis Akta oleh peniaga telah direkodkan iaitu Akta Kawalan Harga & Anti Pencatutan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Sewa Beli 1967, Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Timbang & Sukat 1972, Akta Hakcipta 1987, Akta Jualan Langsung Skim Anti Piramid 2011, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Cakera Optik 2000. Nilai rampasan yang dilakukan terhadap peniaga ialah berjumlah RM147,153,703. Manakala nilai kompaun yang dikenakan kepada peniaga kesemuanya berjumlah RM829,910 (Statistik Utama KPDNKK, Disember, 2014).

Sekiranya peniaga-peniaga terlibat ini tidak melanggar etika perniagaan dan undang-undang, sudah pasti jumlah RM829,910 tersebut boleh dijana sebagai modal pusingan bagi mendapatkan keuntungan dan kerajaan bakal memperoleh pendapatan cukai ke atas keuntungan mereka dan seterusnya membolehkan kerajaan membelanjakan perolehan pendapatan tersebut untuk aktiviti pembangunan masyarakat dan negara. Statistik tersebut memperlihatkan satu indikator betapa seriusnya kes pelanggaran etika dan undang-undang yang berlaku dikalangan peniaga di Malaysia. Peniaga yang terlibat dalam aktiviti rampasan dan kompaun bukan sahaja mengalami kerugian peribadi, tetapi turut memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan juga menubuhkan Mahkamah Sesyen Khas Antipencatutan bagi mengendalikan kes-kes berkaitan dengan kesalahan mencatut iaitu mengaut keuntungan yang berlebihan dikalangan peniaga. Semua kes bagi kesalahan mencatut itu boleh didaftar dan dibicarakan di mahkamah yang terdapat di setiap negeri berkuat kuasa 1 April 2015. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek berkata,

“Dengan adanya mahkamah ini, kes-kes bersabit dengan kesalahan mencatut akan dapat dipantau dan diselesaikan dengan lebih efisien.”

(Rosnah Masri, 2015)

Terdapat 2 jenis kategori aduan yang dilaporkan oleh pengguna iaitu kategori barangan dan perkhidmatan. Jumlah statistik tuntutan bagi kedua kategori tersebut yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia bagi tahun 2014 adalah berjumlah 7,380 aduan (KPDNKK, 2014). Jenis dan bilangan aduan bagi tuntutan yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna bagi kategori Barangan pada tahun 2014 yang paling tinggi adalah “cabutan bertuah/gores dan menang” (867 aduan), diikuti dengan penipuan pembelian

telefon bimbit (503), penipuan barangan elektrik (250 aduan), perabot (199 aduan), kereta (189 aduan), alat ganti kenderaan (113 aduan), komputer (99 aduan), motorsikal (64 aduan), pakaian (35 aduan), jam (24 aduan), barangan kemas (22 aduan), permainan kanak-kanak (17 aduan), kamera (11 aduan), binatang kesayangan (4 aduan), kain (1 aduan), alat tulis (3 aduan) dan pelbagai barangan (877 aduan) (KPDNKK, 2014).

Manakala bagi kategori Perkhidmatan jenis dan bilangan aduan bagi tuntutan yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna yang tertinggi adalah pakej umrah (605 aduan), diikuti oleh agensi pelancongan (372 aduan), bengkel kereta (238 aduan), pengubahsuaian rumah (237 aduan), agensi pembantu rumah (221 aduan), rawatan/pusat kecantikan (192 aduan), sistem rangkaian/telekomunikasi (102 aduan), perkhidmatan pengangkutan (82 aduan), pembaikan kecil (75 aduan), ipta/ipts (58 aduan), dobi (16 aduan), perkhidmatan pos/penghantaran (11), perkhidmatan bekalan elektrik (10), perkhidmatan bekalan air (7 aduan), kad kesihatan (5 aduan), kedai jahit (5 aduan) dan pelbagai perkhidmatan (902 aduan) (KPDNKK, 2014). Logistik lapuran aduan tertinggi adalah dibuat oleh pengguna di kawasan negeri di Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Perak, Johor dan diikuti dengan negeri lain dengan statistik tuntutan difailkan di Tribunal Pengguna Malaysia sebanyak 7,380 aduan (KPDNKK, 2014).

Kerap terpapar di media massa dan laman sesawang berkaitan budaya tidak beretika di kalangan peniaga yang menjejaskan keyakinan pengguna sekali gus merencat keuntungan peniaga. Antara contoh-contoh membuktikan terdapatnya permasalahan berkaitan dengan pelanggaran etika perniagaan oleh usahawan dan pekerja syarikat dipaparkan menerusi petikan-petikan dibawah:

Petikan 1:

Kuala Lumpur - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mendakwa sikap tidak berhati perut sesetengah peniaga menyebabkan pengguna menjadi sangsi terhadap pelaksanaan GST. Ada juga peniaga yang dilaporkan sudah menaikkan harga dengan mengenakan GST sebanyak enam peratus meskipun ia belum dilaksanakan. Tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab ini jelas mencetuskan kekeliruan di kalangan pengguna.

(Bernama, 2015, Mac 13)

Petikan 2:

"Sebarang tindakan memperdaya atau mengelirukan pelanggan dengan menggunakan pelbagai alasan untuk mengaut keuntungan berlebihan adalah di luar norma kod etika perniagaan. Dalam isu kenaikan harga barang tidak keterlaluan jika dikatakan kebanyakan peniaga di Malaysia adalah tidak beretika dalam menjalankan perniagaan. Dalam konteks semasa, walaupun harga minyak sudah turun begitu banyak mengikut harga pasaran, harga barangan masih tidak diturunkan, malah ada barang yang dinaikkan harganya."

(Mohd Ayop Abd Razid, 2015)

Petikan 3:

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menerima sebanyak 18,078 aduan sejak 1 Januari 2015 sehingga hari ini dengan sebahagian besarnya melibatkan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Menterinya, Datuk Seri Hasan Malek berkata, "daripada keseluruhan itu, aduan mengenai GST sahaja adalah sebanyak 6,839. Perkembangan itu boleh dilihat dari dua sudut iaitu meningkatnya tahap kesedaran pengguna terhadap hak mereka dan keduanya; masih ada peniaga yang menjalankan perniagaan secara tidak beretika."

(Ainol Amriz Ismail, 2015)

Petikan 4:

"Setiap barang diniagakan perlu diletakkan tanda harga, tetapi masih ada yang berdegil. Ada juga mereka (peniaga) yang letak tanda harga ketika kita buat pemantauan sahaja, bila kita selesai mereka buang."

(Rosalwani Che Soh, 2014)

Petikan 5:

"Pegawai kanan Petronas didakwa terima rasuah dan pengubahan wang haram. Pada 5 Julai 2013 dua pegawai kanan Petroleum Nasional Berhad (Petronas) dihadapkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur kerana kesalahan rasuah dan pengubahan wang haram. Idris M. Shuhud, Pengurus Kanan Projek Penggantian Saluran Paip Projek Petronas Carigali Sdn. Bhd. didakwa menerima rasuah RM403,000 daripada Pengarah Penaga Orbit dan Genius Response. Rasuah tersebut sebagai upah kerana meluluskan dokumen urusan rasmi Petronas iaitu Penilaian Bidaan Teknikal, Penilaian Bidaan Komersial dan Sijil Penyiapan Kerja. Daripada jumlah itu, RM375,000 digunakan untuk membeli sebuah rumah di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras manakala RM10,000 lagi digunakan bagi tujuan pengubahsuaian rumah tersebut. Kesalahan dilakukan antara 5 Mac 2009 dan 20 Januari 2012. Idris didakwa mengikut seksyen 17(a) Akta SPRM 2009."

(SPRM, 2013)

Petikan 6 :

"Dua pengarah urusan dan seorang pensyarah kanan dituduh menggunakan 20 inois palsu bernilai RM 2.1 juta. Siasatan bermula apabila SPRM menerima maklumat berkaitan tuntutan palsu oleh PSC Innovation Sdn. Bhd. kepada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan bernilai RM2.8 juta berkaitan projek *Commercialisation of Low Sulphur Diesel Through Oxidative Dessulphurisation Technology*. Dalam kes ini, PSC Innovation Sdn. Bhd. telah mengemukakan 20 tuntutan bayaran kepada MTDC menggunakan 20 inois dan dokumen sokongan yang sengaja diwujudkan atas nama syarikat pembekal. Berdasarkan dokumen, seolah-olah bekalan peralatan telah dibuat oleh syarikat-syarikat pembekal kepada PSC Innovation Sdn. Bhd. Sebenarnya, tiada peralatan dibeli daripada syarikat pembekal terbabit. Keseluruhan tuntutan bernilai RM2.1 juta yang dibuat antara tahun 2009 hingga 2010."

(SPRM, 2013)

Petikan 7 :

"Pengurus Jualan syarikat GITN Sdn. Bhd., Mohamed Puhad bin Mohamed Liza, 42, didakwa atas empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM259,250 daripada syarikat Numix Engineering Sdn. Bhd. Antara bulan April hingga Januari 2011. Rasuah bertujuan membantu syarikat berkenaan mendapatkan jualan pemasangan rangkaian internet tanpa wayar VSAT Ku Band. Kesemua pertuduhan dibuat di bawah seksyen 17(a) Akta SPRM 2009. Jika sabit kesalahan beliau boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi."

(SPRM, 2013)

Kesimpulannya, permasalahan pelanggaran etika perniagaan berlaku di kalangan peniaga atau usahawan pada saban hari dan tahun. Rentetan daripada permasalahan ini, pengkaji berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang tahap pengetahuan, amalan dan

sikap peniaga kecil terhadap etika perniagaan. Selain itu kajian ini juga akan menganalisa sekiranya terdapat hubungan positif antara tahap pengetahuan peniaga IKS terhadap etika perniagaan dengan sikap dan amalan peniaga semasa menjalankan operasi perniagaan.

Skop kajian ditumpukan kepada peniaga industri kecil dan sederhana (IKS) berdasarkan justifikasi di mana golongan inilah yang kerap berhadapan dengan pelbagai masalah sehingga perniagaan yang mereka jalankan sukar untuk berkembang. Menurut Ahmad, Mohd. Yusop & Jailani (2002) mereka berpendapat secara umumnya kebanyakan peniaga kecil mempunyai tahap pendidikan yang sederhana dan antara masalah peniaga IKS ialah kurang pengetahuan daripada segi pengetahuan dan amalan beretika. Oleh itu adalah difikirkan penting untuk mengenalpasti pengetahuan, amalan dan sikap peniaga IKS terhadap etika perniagaan.

4.0 Metodologi

Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Shah Alam dipilih sebagai populasi kajian kerana kompleks ini memiliki bilangan ahli yang ramai melibatkan peniaga-peniaga industri kecil dan sederhana (IKS). Jumlah populasi kajian ini adalah 148 unit perniagaan IKS. Bilangan sampel yang digunakan pula adalah sebanyak 108 sampel iaitu suatu jumlah yang berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970). Teknik persampelan yang digunakan pula adalah teknik persampelan bertujuan (purposive sampling).

Kajian tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibina dan digunakan oleh para penyelidik lepas dalam mengukur tahap pengetahuan, amalan dan sikap peniaga. Selain itu kajian ini juga akan menganalisa sekiranya terdapat hubungan positif antara tahap pengetahuan dengan sikap dan amalan peniaga terhadap etika perniagaan yang dipraktis. Item untuk penentuan tahap kepuasan pelanggan telah diambil dan diadaptasikan dari Ahmad, Mohd Yusop dan Jailani (2002).

Pengukuran tahap kepuasan pelanggan ditentukan berasaskan skala likert. Skala Likert lima mata telah digunakan iaitu skala (1) Sangat Tidak Berpuashati, manakala skala (5) Sangat Berpuashati. Pakej Statistik untuk Sains Sosial untuk Windows (SPSS) telah digunakan untuk menganalisis data. Bagi kajian ini, data yang diperolehi adalah jenis data ordinal iaitu data non-parametric. Dapatan diukur mengikut frekuensi iaitu peratusan dan kaedah median. Dapatan kajian yang menunjukkan skor median melebihi 3.00 mata di katakan lebih cenderung atau terarah ke arah positif iaitu "puashati dan sangat berpuashati".

5.0 Kesimpulan

Hasil dapatan kajian ini diharap dapat membantu dalam memberikan maklumat kepada agensi kerajaan terbabit mengenai tahap pengetahuan peniaga IKS terhadap etika perniagaan, terutamanya di sekitar Shah Alam. Kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada pengguna dalam memberi informasi tentang sikap dan amalan etika perniagaan oleh peniaga di Shah Alam. Namun dapatan kajian mungkin tidak dapat digeneralisasikan untuk semua peniaga IKS di Malaysia, ini kerana responden hanya tertumpu pada peniaga IKS yang terdapat di Kompleks PKNS, Shah Alam. Hasil dapatan kajian juga tidak boleh digeneralisasikan kepada semua jenis perniagaan dan semua tempat di Malaysia ini kerana

kebanyakan jenis perniagaan di Kompleks PKNS, Shah Alam adalah perniagaan pakaian, makanan dan barangan hiasan.

Rujukan

Ahmad Esa, Mohd. Yusop Ab. Hadi & Jailani Mohd Yunos (2002). *Pengetahuan, Amalan dan Sikap peniaga Kecil terhadap Etika Perniagaan : Satu kajian Rintis*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Etika Gunaan dan Profesional. Bangi: Universiti kebangsaan malaysia. UKM. 31-38. ISBN 983-9122-04-5

Ainol Amriz Ismail (2015, Jun 26). Aduan berkaitan Gst paling banyak. *Utusan Malaysia*. Capaian daripada: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/aduan-berkaitan-gst-paling-banyak-8211-hasan-1.107187>

Bernama (2015, Mac 13). Amalan tidak beretika punca pengguna sangsi GST. *Sinar Harian*. Capaian daripada: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/amalan-tidak-beretika-punca-pengguna-sangsi-gst-1.368493>

Blight DG, Craswell ET and Mullen JD (2013) *Doing Well by Doing Good: International Agricultural Research – How it benefits Australia as well as developing countries*. Report of the Crawford Fund Doing Well by Doing Good Task Force, 44pp

Institut Kefahaman Islam Malaysia. Perniagaan/perdagangan Islam dan perlindungan pengguna. Capaian: September 1, 2015, daripada: <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7337-perniagaanperdagangan-islam-dan-perindungan-pengguna>

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (2014). *Statistik Utama KPDNKK 2014*. Capaian daripada: http://www.kpdnkk.gov.my/kpdnkkv3/images/KPDNKK/PDF/statistik/2014/STATISTIK_UTAMA_KPDNKK_DISEMBER_2014.pdf

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (2015). *Etika Perniagaan Malaysia*. Capaian: September 1, 2015, daripada http://www.kpdnkk.gov.my/kpdnkkv3/images/KPDNKK/PDF/Peniaga/Etika_Perniagaan_BookHires_200315.pdf

Khalidah Khalid Ali, Zulkufly Ramly & Lau, T. C. (2014) *Business Ethics*. Selangor. Oxford University Press.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.V. (1970). Determining sample size for research size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.

John Hooker (2003). *Why Business Ethics ?* Carnegie Mellon University. Artikel. Capaian daripada : <http://web.tepper.cmu.edu/ethics/whybizethics.pdf>

Mohd Ayop Abd Razid (2015, Februari 7). Peniaga wajar patuhi etika perniagaan. *Berita Harian*. Capaian daripada: <http://www.bharian.com.my/node/33739>

Mohd Mahzan Awang (2015, Februari 4). Budayakan perniagaan beretika. *Utusan Malaysia*. Capaian daripada: <http://www.utusan.com.my/rencana/budayakan-perniagaan-beretika-1.55761>

Mohd Mizan Aslam (2012). Etika Dalam Perniagaan dan Pencarian Menuju Integriti. *International Journal of Business and Technopreneurship*. 2 (2), 369-387.

Muzdalifah Mustapha (2015, Mac 25). Kod Etika Perniagaan Malaysia ditambahbaik. *Utusan Malaysia*. Capaian daripada: <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/kod-etika-perniagaan-malaysia-ditambah-baik-1.73533>

Perpustakaan Perdana. (1991). Ketepikan 'peribadi tidak sesuai'. Etika niaga amat penting. Capaian daripada: http://library.perdana.org.my/digital_content/prominent_leaders/mahathir/news_1968-2004/1989-1992/1991/00013739.pdf

Rafik Issa Beekun, 1998, *Etika Perniagaan Islam*. The International Institute of Islamic Thought dan Thinker's Library Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Malaysia.

Rosni Masri (2015). Mahkamah sesyen khas Antipencatutan ditubuh. *Utusan Malaysia*. Capaian daripada: <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/mahkamah-sesyen-khas-antipencatutan-ditubuh-1.77311>

Rosalwani Che Soh (2014). Pergiati kesan peniaga tipu harga. *Sinar Harian*. Capaian daripada: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pergiati-kesan-peniaga-tipu-harga-1.243382>

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2013). *Laporan Tahunan 2013*. Capaian daripada: <http://www.sprm.gov.my/laporan-tahunan.html>

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2012). *Kod Etika Perniagaan Coop Mart atau Kedai Coop Malaysia. Pemangkin Kecemerlangan Perniagaan Koperasi*. Capaian daripada: http://www.skm.gov.my/getmedia/1fe99d02-f0fd-474c-8248-2d911ef20a65/KOD-ETIKA-PERNIAGAAN-COOP-MART_1.pdf.aspx

Unit Perancangan Ekonomi (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Capaian: Ogos 31, 2015, daripada: <http://www.epu.gov.my/ninth-malaysia-plan-2006-2010>

KAJIAN AWAL PERBANDINGAN TAHAP STRES DALAM KALANGAN PELAJAR YANG MENYERTAI PASUKAN BERUNIFORM DENGAN PELAJAR YANG TIDAK MENYERTAI PASUKAN BERUNIFORM DI POLITEKNIK

Zaitun Bt. Taat¹, Sakdiah Bt. Md. Amin², Rosamiza Bt Meor Razak³

¹Jabatan Elektrik
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

²Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

³Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

tzaiton@psa.edu.my, sakdiah@psa.edu.my, rosamiza@psa.edu.my

Abstrak

Kertas konsep ini adalah kajian awal mengenai pengurusan stres dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam pasukan beruniform. Responden kajian ini adalah terbatas hanya kepada tiga (3) buah politeknik yang terdapat dalam Negeri Selangor iaitu Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam dan Politeknik Banting. Seramai 300 pelajar diambil sebagai responden terdiri dari 3 buah pasukan beruniform yang mereka anggotai iaitu Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA), Pasukan Sukarelawan Siswa (RELASIS) dan Pasukan Tentera Laut Simpanan Siswa (PLAS TLDM). Punca-punca stres dilihat akibat dari kesan factor gaya hidup, kewangan, personaliti, spiritual, peristiwa hidup dan persekitaran. Kajian ini akan mengenalpasti tahan stres yang dihadapi oleh pelajar yang terlihat secara langsung dalam pasukan beruniform dan bagaimana mereka mengadaptasi pengurusan stres tersebut. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif, dengan menggunakan perisian SPSS melalui pemerhatian dan soal selidik Maslach Burnout Inventory (MBI) yang mengandungi 22 item untuk menguji stres.

Kata kunci: Tahap stres, simptom stres dan punca stres.

1.0 Pengenalan

Dalam situasi Negara yang sedang pesat membangun, pendidikan bukan sahaja merupakan keperluan yang amat penting dikalangan generasi muda, malah ia adalah tunggak kepada kemajiran Negara (Sipon, 2001). Kegiatan Pasukan Beruniform adalah salah satu dari cabang kegiatan kokurikulum elektif berkredit yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan Politeknik Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi (Garis panduan Kokurikulum 2011 KPT). Kegiatan pasukan beruniform merupakan aktiviti dan pengalaman luar bilik kuliah dimana ianya merupakan kesinambungan serta pengukuhan kepada aktiviti pembelajaran dalam bilik kuliah. Penglibatan aktif pelajar dalam kegiatan kokurikulum dijangka akan memberi impak kepada peningkatan pencapaian pembelajaran akademik pelajar. Pendidikan seimbang seharusnya menekankan kedua-dua aspek iaitu akademik dan aktiviti kokurikulum (Ghafar, 2007). Namun begitu ada kemungkinan kegiatan kokurikulum memberi tekanan (*stres*) kepada sesetengah golongan pelajar berdasarkan kepada faktor seperti gaya hidup,